

22 SEP 1997

SARAWAK TUNGGU ARAHAN HANTAR SKUAD MEMBANTU KEBAKARAN DI KALIMANTAN

KUCHING, 22 Sept (Bernama) -- Sarawak sudah bersiap sedia dan hanya menunggu arahan untuk menggerakkan skuad bomba dan penyelamat seramai 110 orang ke Kalimantan Barat bagi membantu memadamkan kebakaran hutan sebagai usaha mengatasi masalah jerebu sekarang.

Mejar Kamaruddin Ahmad dari bilik gerakan Bahagian Keselamatan Negara Sarawak di sini, berkata penghantaran anggota Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat itu akan digerakkan melalui pintu masuk Tebedu kira-kira 90 km dari sini.

Katanya mesyuarat bahagian keselamatan yang dipengerusikan Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Dr George Chan membincangkan secara terperinci perkara itu pagi ini termasuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang terbabit.

Perkhidmatan perhubungan dan sokongan yang lain seperti Jabatan Perubatan serta skuad Briged Infantri Ketiga turut bersiap-sedia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengarah Gerakan Negara telah berkata Malaysia akan menghantar pasukan bomba dan penyelamat serta pasukan penyelamat khas (Smart) ke Indonesia untuk membantu memadamkan kebakaran hutan di negara itu.

Sementara itu Sarawak dijangka mengalami keadaan yang lebih kritikal dengan lebih banyak jerebu dari Kalimantan, di selatan Kepulauan Borneo itu.

Seorang jurucakap Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca berkata angin dari Kalimantan itu bertiup dari arah Barat daya dengan kelajuan antara 15km dan 25 km sejam. -- BERNAMA

CJ RON